

KERATAN AKHBAR



AKHBAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	22/7/2019	MUKA SURAT	: 19
JABATAN	:	IWK / SPAN / AIR SELANGOR		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Pencemaran di loji rawatan kumbahan

Bekalan air semakin pulih

Air Selangor tingkat tekanan, stabilkan agihan percepat proses pemulihan

Oleh Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Proses pemulihan bekalan air di tujuh wilayah terjejas di Selangor dan Kuala Lumpur susulan pencemaran bau mencapai tahap 94 peratus hingga jam 12 tengah hari semalam.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Abdul Raof Ahmad, berkata bagi Kuala Selangor dan Hulu Selangor, bekalan air sudah pulih sepenuhnya.

Bagi Kuala Lumpur, katanya, bekalan air pulih 99 peratus manakala Petaling pulih 95 peratus.

"Wilayah Klang/Shah Alam, sebanyak 91 peratus pulih dan 94 peratus di wilayah Gombak serta 78 peratus di Kuala Langat," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, pihaknya meletak sasaran bekalan air di wilayah Gombak pulih sepenuhnya hari ini manakala Kuala Lumpur dijangka pulih sepenuhnya esok.

Tiga wilayah lagi akan pulih sepenuhnya pada jam 12 tengah hari, Rabu ini.

Katanya, Air Selangor giat berusaha mempercepatkan pemulihan keseluruhan kawasan terjejas dengan meningkatkan tekanan dan menstabilkan aliran bekalan di sistem agihan.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat dan status terkini gangguan bekalan air itu boleh melayari laman sesawang www.syabas.com.my aplikasi Air Selangor atau menerusi laman Facebook Air Selangor dan Twitter @airselangor.

Sementara itu, kerja pemeliharaan minyak hitam di kebuk masuk loji rawatan kumbahan Banting Kali, Hulu Selangor yang dikatakan menjadi punca pencemaran bau dan seterusnya menjejaskan bekalan air siap sepenuhnya, dengan loji itu kembali beroperasi jam 5 petang semalam.

Ketua Operasi Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) Wilayah Selatan, Mohd Taufik Salleh, berkata pelepasan effluen juga mengukuti piawaian ditetapkan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

"Pemeriksaan IWK awal pagi semalam mendapati minyak pekat berwarna hitam memasuki loji pada jam 7 pagi dan serentak dengan itu pelepasan effluen dihentikan buat sementara waktu bagi menjalankan operasi pembersihan segera.

"Bagi mengelak gangguan ke-

pada kualiti effluen, pengasingan segera dibuat untuk mengawal pelepasan terakhirnya ke Sungai Liam," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, kesan buangan minyak yang masuk secara terlarang ke loji berkenaan memerlukan rawatan tambahan membabitkan kerja penyedutan lapisan minyak yang tebal di kebuk masuk serta penggunaan bahan pengoksidaan untuk mengaktifkan proses biologi bagi mengurangkan kadar bau di effluen terawat.

Dalam pada itu, Mohd Taufik menjelaskan 250 kilogram (kg) karbon (yang diaktifkan) diletak-

kan di saluran pelepasan effluen terakhir bagi mengurangkan bau sebagaimana yang dicadangkan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Air Selangor.

"IWK turut menyediakan pasukan petugas untuk 24 jam bagi memantau kemasukan bahan yang dibuat secara terlarang daripada berulangi," katanya.

Gangguan bekalan air tidak berjadual itu berlaku selepas pencemaran bau di kesan di Sungai Selangor pada Jumaat lalu, yang memaksa Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (SSP1), SSP2 dan SSP3 serta di Rantan Panjang dihenti tugas.

Laporan BH
Ahad,
semalam.

